Seterusnya, penyelidik lain telah menggunakan teknik pengelompokan di dalam rangkaian sosial untuk mengklasifikasikan pelajar (Drazdilova et al., 2008). Sebilangan penyelidik telah menjalankan beberapa teknik pengelompokan pada ARS. UCINET (2011) telah menggunakan pendekatan pengelompokan hierarki, manakala Tan et al. (2006) mengaplikasikan teknik pengelompokan graf dan hierarki pada objek ARS. Sebagai tambahan, Yu (2007) telah mencadangkan kaedah Pelan Sistem Perniagaan (BSP) boleh mencipta kelompok untuk data rangkaian sosial. Kaedah ini boleh menggabungkan antara objek dalam rangkaian sosial kepada kelas yang berbeza menggunakan laluan dan hubungkait di antara kelas. Handcock et al. (2007), telah mencipta model untuk mengelompokkan rangkaian sosial yang mana ia berdasarkan kedudukan terpendam daripada model kelompok. Mereka telah menggunakan dua anggaran: kaedah dua peringkat maksimum kebolehdian dan kaedah Bayes berdasarkan pada sampel rangkaian Markov Monte Carlo dan mereka juga mendakwa bahawa model ini boleh mengatasi batasan daripada kaedah Jarak euklidian (Handcock et al., 2007). Ketumpatan dalaman dan tebaran luar juga diambil kira sebagai faktor utama untuk mewujudkan kelompok (Mishra et al., 2007). Di sisi lain, penyelidik lainnya juga telah mencadangkan alat yang dinamakan pemerolehan pengetahuan berasaskan grid. Alat ini berfungsi membantu pelajar dalam menyusun dan berkongsi maklumat untuk membezakan matlamat pembelajaran menggunakan pemerhatian kontekstual mereka (Hwang et al., 2011). Kebanyakan kerja lepas tentang pengelompokan, memberi tumpuan dalam mencari kesamaan antara nod melalui jarak dan kepadatan mereka. Selain itu, pengelompokan dengan kaedah konvensional seperti penggunaan jarak euklidian sebagai parameter pengelompokan adalah tidak sesuai untuk data analisis rangkaian sosial (Yu, 2007).

Konsep permbelajaran bermakna yang telah diperkenalkan oleh Ausubel (1963) mengandungi penerangan prinsipal tentang bagaimana individu belajar, sepertimana ciri-ciri yang terdapat di dalam aktiviti arahan dan bagaimana ia

diorganisasikan (Ausubel, 1963). Terdapat empat ciri-ciri utama pada pembelajaran bermakna: aktif, autentik, konstruktif dan kooperatif (Grabe dan Grabe, 2007, Huang et al., 2011, Karppinen, 2005). Di samping itu, Howland dan Jonassen (2012) telah meletakkan ciri tambahan intensional, untuk meluahkan konsep pembelajaran bermakna. Walaupun konsep ini memberikan makna pada proses pembelajaran, ianya belum diaplikasikan dalam proses pengelompokan tingkah laku pelajar.

Bagaimanapun, penyelidik sebelumnya masih memberikan tumpuan untuk menambah baik ARS. Beberapa penyelidik telah membuat penyelidikan pada ontologi semantik dan telah mencadangkan ARS berdasarkan web semantik. Mike (2007) yang memberikan fokus bagaimana mendapat dan menggabungkan data pada analisis rangkaian sosial. Para penyelidik lain telah mencuba untuk menjelaskan perhubungan semantik dengan memberi pemahaman mengenai perhubungan sifat semula jadi. Li et al, (2010) mengatakan bahawa ontologi boleh memperbaharui pengukuran ARS, bukan hanya untuk tepi dan nod. Mereka juga telah mengklasifikasikan hubungan dengan memberi maksud; rakan atau musuh. Hal ini bermaksud ianya boleh mengklasifikasi pembelajaran sosial daripada pengguna (Li et al., 2010a). Walau bagaimanapun kumpulan tersebut tidak menyediakan maksud yang lengkap. Ontologi juga belum diaplikasikan pada proses pengelompokan tingkah laku pelajar dalam rangkaian pembelajaran sosial.

1.3 Pernyataan Masalah

ARS mempunyai had dari segi makna kerana fakta telah menunjukkan bahawa mereka menganggap pengguna hanya sebagai nod dan tepi. Sementara itu, teknik pengelompokan konvensional hanya mengukur keamatan interaksi pengguna tanpa mengambil kira makna daripada proses pembelajaran pelajar.

Persoalan utama yang akan didedahkan di dalam tesis ini ialah : "*Bagaimana mewujudkan satu pendekatan untuk menganalisis tingkah laku pelajar menggunakan pengelompokan, ontologi dan pembelajaran bermakna di dalam domain rangkaian pembelajaran sosial untuk memberikan analisis yang boleh dipercayai dan bermakna*", berdasarkan persoalan kajian utama, sub-soalan boleh diperolehi seperti berikut:

(i) **Soalan 1**

Mengapa klasifikasi yang sedia ada seperti analisis rangkaian sosial dan pengelompokan konvensional masih tidak sesuai untuk mengklasifikasikan tingkah laku pelajar semasa proses pembelajaran?

(ii) **Soalan 2**

Apakah pendekatan yang sesuai untuk menganalisis tingkah laku pelajar di dalam rangkaian pembelajaran sosial?

(iii) **Soalan 3**

Bagaimana membina pendekatan untuk menganalisis tingkah laku pelajar menggunakan pengelompokan, pembelajaran bermakna dan konsep ontologi dalam domain rangkaian pembelajaran sosial?

(iv) **Soalan 4**

Bagaimana mengukur kebolegunaan model yang dicadangkan?

1.4 Matlamat

Tujuan kajian ini adalah untuk membuat analisis dan menghasilkan satu model analisis rangkaian pembelajaran sosial (ARPS) untuk mengelompokkan tingkah laku pelajar dengan menggabungkan ciri-ciri pembelajaran bermakna, berserta konsep ontologi dan teknik pengelompokan.

1.5 Objektif

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan sebelum ini, kajian ini meliputi beberapa objektif yang berkaitan dengan sasaran prosedur penyelidikan. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji teknik pengelompokan dan kaedah analisis rangkaian sosial semasa untuk menyediakan analisis berpatutan terhadap tingkah laku pelajar dalam aktiviti e-pembelajaran.
2. Mencadangkan satu model untuk menganalisis tingkah laku pelajar dengan mengintegrasikan ciri-ciri pembelajaran bermakna, ontologi, dan teknik pengelompokan.
3. Menilai dan mengesahkan model cadangan dari segi kebolegunaan dan keberkesanannya.

1.6 Skop Penyelidikan

Skop penyelidikan ini adalah di dalam domain e-pembelajaran Moodle di UTM.

- Skop teknik pengelompokan: Teknik pengelompokan konvensional yang digunakan untuk menganalisis kerja kolaboratif pada bab 4 adalah pengelompokan hierarki dan pengelompokan graf menggunakan algoritma pepohon perentangan minimum (PPM).
- Skop model: Model ARPS yang dicadangkan mengintegrasikan ciri-ciri pembelajaran bermakna, ontologi, dan teknik pengelompokan. Tujuan model ini dikemukakan adalah untuk menganalisis tingkah laku pelajar dalam e-pembelajaran.

Aktiviti-aktiviti e-pembelajaran yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah sebanyak dua puluh tiga aktiviti asas. Walau bagaimanapun hanya sembilan belas aktiviti yang diambil kira dalam pengiraan pengelompokan yang boleh dirujuk pada Bab 5.

Penyelidikan ini menggunakan pangkalan data WordNet (Miller, 1995) untuk pengiraan skor kesamaan ontologi semantik.

- Skop prototaip dan kajian kes: Kajian ini juga menghasilkan prototaip untuk menunjukkan keupayaan model yang dicadangkan untuk mewujudkan klasifikasi yang dipercayai dan bermakna. Alat mempunyai proses utama: prapemprosesan data untuk pengiraan skor kesamaan ontologi semantik (purata nilai kesamaan ontologi semantik antara setiap kata kunci aktiviti-aktiviti e-pembelajaran dengan kata kunci ciri-ciri pembelajaran bermakna) dan pengiraan skor kelompok untuk meletakkan pelajar ke dalam kelompok

yang sepatutnya. Untuk pengesahan model, ciri intensional digunakan sebagai parameter untuk pengiraan statistik.

1.7 Signifikan Penyelidikan

Berdasarkan isu-isu penyelidikan mengenai analisis tingkah laku pelajar antara ARS, pengelompokan dan ontologi. Ianya boleh membuat kesimpulan bahawa terdapat jurang antara penemuan semasa terutama dalam menganalisis tingkah laku pelajar daripada aktiviti e-pembelajaran. Kebanyakan penyelidikan mengambil perhatian menganalisis kandungan perbincangan yang tak segerak seperti forum perbincangan dan mesej. Walau bagaimanapun, pendekatan ini mungkin menghadapi masalah apabila berurusan dengan set data yang besar.

Selain itu, kerja-kerja klasifikasi pelajar hanya tertumpu pada ARS dan tidak mengendalikan ontologi dan pengelompokan. Kebanyakan kajian fokus pada pemusatan darjah masuk dan masih kekurangan dalam jangka kaedah pemusatan darjah keluar dan lain-lain seperti kedekatan dan keantaraan. Berdasarkan kepada konsep pembelajaran bermakna, pelajar harus aktif dalam menganalisis, membuat penilaian dan memahami pengetahuan disebalik e-pembelajaran untuk memperoleh pengalaman pembelajaran yang berkesan (Jonassen, 1995). Berdasarkan penilaian lepas, telah jelas menerangkan bahawa pengelasan tingkah laku pelajar memerlukan analisis yang terlalu dalam pada interaksi pelajar dan perlu dijalankan secara automatik tanpa melibatkan pemeriksaan manual terhadap data. Kajian ini memperkukuhkan sumbangan yang besar untuk penyelidikan ini di mana ia mencadangkan ontologi dan teknik pengelompokan untuk mengklasifikasikan tingkah laku pelajar berdasarkan ciri-ciri pembelajaran bermakna.

1.8 Organisasi Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada lapan Bab yang menerangkan tentang isu-isu tertentu yang berkaitan dengan analisis kelakuan pelajar menggunakan analisis rangkaian sosial, pengelompokan dan ontologi. Ia juga menggambarkan model cadangan yang mengintegrasikan teknik pengelompokan, konsep pembelajaran bermakna dan ontologi untuk menganalisis tingkah laku pelajar.

Bab 1: Huraian penting penyelidikan klasifikasi di dalam e-pembelajaran. Ia membincangkan isu-isu semasa mengenai teknik klasifikasi yang meliputi analisis rangkaian sosial, analisis kandungan, ontologi, pengelompokan terhadap rangkaian sosial dan ciri-ciri pembelajaran bermakna. Tambahan pula, latar belakang masalah, pernyataan masalah, tujuan penyelidikan, objektif, skop dan kepentingan penyelidikan yang di bincangkan di dalam tesis ini.

Bab 2: Membincangkan kajian literatur analisis rangkaian sosial, ontologi, pembelajaran bermakna dan teknik pengelompokan. Bahagian pertama akan menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan dalam analisis rangkaian sosial dan analisis kritikal pada analisis rangkaian sosial untuk melakukan pengelasan pelajar daripada interaksi mereka. Bahagian kedua memberi tumpuan kepada teori pengelompokan dan ciri-ciri mereka mengenai pengklasifikasian objek. Tambahan pula, ia diikuti oleh perbincangan menyeluruh untuk melihat peluang dalam menggunakan teknik pengelompokan pada rangkaian pembelajaran sosial. Bahagian ketiga membincangkan keupayaan teori pembelajaran bermakna untuk mengklasifikasikan pelajar berdasarkan interaksi pembelajaran mereka, manakala bahagian terakhir diisi oleh ontologi sebagai teknik yang dapat memperkaya makna perhubungan di dalam rangkaian sosial.

Bab 3: Bab ini memperihalkan tentang metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini yang meliputi 4 fasa utama iaitu bahagian pertama adalah perumusan masalah dan kajian literatur, Kedua, pemodelan analisis rangkaian pembelajaran sosial yang meliputi: analisis rangkaian pembelajaran sosial dan kaedah pengelompokan pada kerja kolaboratif, pembinaan struktur ontologi dan pembuatan model ARPS. Ketiga, proses penilaian dan pengesahan dan keempat penulisan tesis.

Bab 4: Bab ini menjelaskan kesan pendekatan analisis rangkaian sosial pada penghuraian kajian kolaboratif di dalam e-pembelajaran Moodle. Bab ini juga merangkumi pemprosesan data untuk Wiki dan interaksi di antara elemen-elemen rangkaian dengan menggunakan kaedah pemusatan darjah, keantaraan dan kedekatan serta pengelompokan hierarki dan pepohon perentangan minimum (PPM).

Bab 5: Bab ini menerangkan proses pembinaan struktur ontologi daripada e-pembelajaran. Pembinaan struktur ontologi dimulai dengan penentuan skop dan pembuatan kelas-kelas daripada aktiviti-aktiviti pada e-pembelajaran. Selain itu pengisian individu juga telah dilakukan agar struktur ontologi dapat menggambarkan keadaan sebenar daripada pelajar selama proses interaksi Di akhir pembinaan, struktur ontologi akan diperiksa menggunakan penaakulan (Pellet Dig).

Bab 6: Bab ini memberikan gambaran detail tentang bagaimana untuk menghasilkan model ARPS dengan mengintegrasikan konsep ontologi, pembelajaran bermakna dan pengelompokan untuk melaksanakan analisis yang lebih baik. Konsep pengiraan skor kesamaan ontologi semantik dan skor kelompok juga dibentangkan dalam Bab 6.

Bab 7: Bab ini menerangkan proses penilaian dan pengesahan model melalui perbandingan hasil pengelompokan dengan markah pelajar serta ujian-t statistik untuk mengesahkan sama ada model telah menghasilkan keluaran yang sesuai atau tidak.

Bab 8: Bab ini mempersembahkan laporan kesimpulan dan pencapaian penyelidikan tesis ini, disertai oleh struktur penyelidikan dan cadangan untuk kerja-kerja masa depan.

RUJUKAN

- Al-Fayoumi, M., Banerjee, S.J. & Mahanti, P. K. (2009). Analysis Of Social Network Using Clever Ant Colony Metaphor, *World Academy Of Science, Engineering And Technology*, 29
- Agarwal, N., Galan, M., Liu, H. & Subramanya, S. 2010. Wiscoll: Collective Wisdom Based Blog Clustering. *Information Sciences, Elsevier* 180 39-61.
- Arikunto, S. 2002. *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek Edisi Revisi V*, Rineka Cipta.
- Ausubel, D. P. 1963. *Psychology Of Meaningful Verbal Learning: an Introduction To School Learning*, New York:Grun & Stratton.
- Bollegala, D., Matsuo, Y. & Ishizuka, M. 2007. Measuring Semantic Similarity between Words Using Web Search Engine. *In: Proceedings of the 16 th International Conference on World Wide Web New York, USA, ACM*.
- Brandes, U. 2001. A Faster Algorithm for Betweenness Centrality. *Journal of Mathematical Sociology*, 25, 163-177.
- Cantador, I. & Castells, P. 2006. Multilayered Semantic Social Network Modeling by Ontology-Based User Profiles Clustering: Application to Collaborative Filtering. *in: The 15th International Conference on Knowledge Engineering and Knowledge Management Podedbrady, Czech Republic. Springer Verlag Lecture Notes In Computer Science*, Vol. 4248.October 2006, ISSN: 3-540-46363-1, Pp. 334-349.
- Ceceljaa, F., Kokossisb, A. & Dua, D. 2011. Integration of Ontology and Knowledge-Based Optimization in Process Synthesis Applications. *In: 21st European Symposium On Computer Aided Process Engineering – Escape 21*.

- Chai, C. S., Koh, J. H. L., Tsai, C.-C. & Tan, L. L. W. 2011. Modeling Primary School Pre-Service Teachers' Technological Pedagogical Content Knowledge (Tpack) For Meaningful Learning With Information and Communication Technology (ICT). *Computer And Education*, 57, 1184-1193.
- Cheliotis, G. 2010. *Social Network Analysis (SNA):Including A Tutorial on Concepts and Methods* [Online]. Communications And New Media, National University of Singapore. [Accessed 27 January 2013].
- Cole, J. & Foster, H. 2008. *Using Moodle, 2nd Edition*, O'Reilly Media, Inc., 1005 Gravenstein Highway North, Sebastopol, CA 95472.
- Craig, E. 1998. *Ontology*. in: *Craig, E. (Ed.) Routledge Encyclopedia of Philosophy*, New York, Routledge.
- Delaat, M. F., Lally, V., Lipponen, L. & Simons, P. R. J. 2006. Analysing Student Engagement With Learning and Tutoring Activities In Networked Learning Communities: A Multi-Method Approach. *International Journal of Web-Based Communities 2*.
- Díaz-Galiano, M. C., Martín-Valdivia, M. T. & Ureña-López, L. A. 2009. Query Expansion with A Medical Ontology to Improve a Multimodal Information Retrieval System. *Computers In Biology And Medicine*, 39, 396-403.
- Domingue, J., Fensel, D. & Hendler(Eds), J. A. 2011. *Handbook of Semantic Web Technologies*, Springer-Verlag Berlin Heidelberg
- Drazdilova, P., Martinovic, J., Slaninova, K. & Snasel, V. 2008. Analysis of Relations In Elearning. in: IEEE/WIC/ACM International Conference on Web Intelligence and Intelligent Agent Technology.
- Erlin, Yusof, N. & Rahman, A. A. 2008a. Integrating Content Analysis And Social Network Analysis For Analyzing Asynchronous Discussion Forum in: *IEEE Conference*.
- Erlin, Yusof, N. & Rahman, A. A. 2008b. Overview on Agent Application to Support Collaborative Learning Interaction. *US-China Education Review.ISSN.1548-6613,USA*.
- Erlin, Yusof, N. & Rahman, A. A. 2009a. Analyzing Online Asynchronous Discussion Using Content and Social Network Analysis in: *IEEE-Ninth International Conference on Intelligent Systems Design and Applications*.

- Erlin, Yusof, N. & Rahman, A. A. 2009b. Student Interaction in Online Asynchronous Discussion Forum: A Social Network Analysis. *in: International Conference on Education Technology and Computer, Singapore.* 25-29.
- Erlin, Yusof, N. & Rahman, A. A. 2010. Message Segmentation Asynchronous Text-Based Discussion in Social Network Analysis. *in: International Conference on Education and Computer (ICETC 2010), IACSIT, Shanghai, China.*
- Erickson, J. "Minimum Spanning Trees", <http://Www.Cs.Uiuc.Edu/~Jeff/Teaching/Algorithms/>, Accessed. 24 April 2013
- Fellbaum, C. 1998. *Wordnet: An Electronic Lexical Database*, Cambridge, MA, MIT Press.
- Gowin, D. B. 1981. *Educating*, Ithaca, N.Y.: Cornell University Press.
- Grabe, M. & Grabe, C. 2007. *Integrating Technology For Meaningful Learning (5th Ed.)*, New York, Houghton Mifflin Company.
- Grimm, S. 2009. A Unifying Formal Ontology Model. *in: Proceedings of The International Conference on Knowledge Engineering and Ontology Design*, Funchal.
- Grissa, D., Guillaume, S. & Nguifo, E. M. 2010. *Combining Clustering Techniques And Formal Concept Analysis To Characterize Interestingness Measures* [Online]. *Limos, Umr 6158 Cnrs, Blaise Pascal And Auvergne University, Complexe Scientifique Des Cézeaux, 63177 Aubière Cedex, France.* Last Accessed 2011. [Accessed].
- Guojun, G. & Wu, J. 2004. Subspace Clustering For High Dimensional Categorical Data. *SIGKDD Explorations*, 6.
- Hammouda, K. & Kamel, M. 2004. Data Mining In E-Learning. *IEEE Transactions on Knowledge and Data Engineering*, 16, 1279-1296.
- Hamulic, I. & Bijedic, N. 2009. Social Network Analysis in Virtual Learning Community at Faculty of Information Technologies (Fit), Mostar. *Elsevier-Procedia Social and Behavioral Sciences*, 1, 2269–2273.
- Handcock, M. S., Raftery, A. E. & Tantrum, J. M. 2005. Model-Based Clustering for Social Networks. *In: Working Paper No. 46, C. F. S. A. T. S. S., University of Washington (Ed.)*.

- Handcock, M. S., Raftery, A. E. & Tantrum, J. M. 2007. Model-Based Clustering For Social Networks. *J. R. Statist. Soc. A (2007)170, Part 2, Pp. 301–354.*
- Hanneman, R. A. & Riddle, M. 2005. *Introduction To Social Network Methods*, Riverside,CA, University of California.
- Hanus, M. & Huch, F. 2004. An Open System To Support Web-Based Learning. *Http://Citeseerx.Ist.Psu.Edu/Viewdoc/Download?Doi=10.1.1.67.9696&Rep=Rep1&Type=Pdf.Last Accessed:April2011.*
- Hastie, T., Tibshirani, R., Friedman, J. *"The Elements of Statistical Learning Data Mining, Inference, and Prediction", Springer Series in Statistic, 2008*
- Hattle 2002. Schools Like Mine: Cluster Analysis of New Zealand Schools. *Technical Report, Project ASTTE University of Auckland.*
- Hogo, M. A. 2010. Evaluation of E-Learners Behaviour Using Different Fuzzy Clustering Models: A Comparative Study. *International Journal of Computer Science and Information Security(IJCSIS)*, 7.
- Howland, J. L., Jonassen, D. H. & M. Marra, R. 2012. *Meaningful Learning with Technology(4th Ed)*, Boston, Pearson.
- Hsu, J.-L. & Yang, H.-X. 2009. A Modified K-Means Algorithm for Sequence Clustering. *IEEE-Ninth International Conference on Hybrid Intelligent Systems.*
- Huang, Y. M., Chiu, P. S., Liu, T. C. & Chen, T. S. 2011. The Design and Implementation of A Meaningful Learning-Based Evaluation Method for Ubiquitous Learning. *Computer and Education*, 57, 2291-2302.
- Hwang, G. J., H.C.Chu, Lin, Y. S. & Tsai, C. C. 2011. A Knowledge Acquisition Approach to Developing Mindtools for Organizing and Sharing Differentiating Knowledge In a Ubiquitous Learning Environment. *Computer and Education*, 57, 1368-1377.
- Jain, A. K., Murty, M. N. & Flynn, P. J. 1999. Data Clustering: A Review. *ACM Computing Surveys, Vol. 31, No. 3, September 1999.*
- Ji, J., Zhou, C., Wang, Z. & Yang, H. 2011. Maximizing The Community Coverage Of Influence Through A Social Network. *AISS: Advances in Information Sciences and Service Sciences*, 3 339 ~ 346.

- Jonassen, D. H. 1995. Supporting Communities Of Learners With Technology:A Vision For Integrating Technology With Learning In Schools. *Educational Technology & Society*, 35, 60-63.
- Jonassen, D. H. & Strobel, J. 2006. Modeling For Meaningful Learning. *In: Hung, D. & (Ed), M. S. K. (Eds.) Engaged Learning With Emerging Technologies.* Springer.
- Karppinen, P. 2005. Meaningful Learning With Digital And Online Videos: Theoretical Perspective Association For The Advancement Of Computing. *Education Journal*, 13, 233-250.
- Kepp, S.-J. & Schorr, H. 2009. Analyzing Collaborative Learning Activities In Wikis Using Social Network Analysis. *in: CHI, Spotlight on Work in Progress~Session 2, April 4-9, Boston, MA, USA. ACM.*
- Korfiatis, N. T., Poulos, M. & Bokos, G. 2006. Evaluating Authoritative Sources Using Social Networks: an Insight from Wikipedia. *Online Information Review, Vol. 30 ISS: 3, pp.252 - 262.*
- Kruskal , J. "Kruskal's Algorithm", *Proceedings of the American Mathematical Society*,pp.48-50
- Li M.J., Ng, M. K., Cheung, Y.-M. & Huang, J. Z. 2008. Agglomerative Fuzzy K-Means Clustering Algorithm with Selection of Number of Clusters. *IEEE Transactions on Knowledge and Data Engineering*, 20.
- Li, T., Heyang, Junhe & Yongai. 2010a. A Social Network Analysis Methods Based on Ontology. *in: 3rd Interational Symposium on Kowledge Acquisition and Modeling, IEEE..*
- Li, X., Ye, Y., Li, M. J. & Ng, M. K. 2010b. On Cluster Tree for Nested and Multi-Density Data Clustering. *Pattern Recognition. Elsevier*, 43.
- Martinez, A., Dimitriadis, Y., Rubia, B., E.Gomez & Fuente, P. D. L. 2003. Combining Qualitative Evaluation and Social Network Analysis for The Study of Classroom Social Interactions. *Computer and Education, Elsevier*, 41, 353-368.
- Mike, P. 2007. *Social Networks And The Semantic Web Xiv*, 234 P.74 Illus., Hardcover Isbn 978-0-387-71000-6.
- Miller, G. A. 1995. Wordnet: A Lexical Database For English. *Communications of The ACM*, 38, 39-41.

- Mishra, N., Schreiber, R., Stanton, I. & Tarjan, R. E. 2007. Clustering Social Networks. *in: WAW, Springer.*
- Moreira, M. A. 2011. Why Concepts, Why Meaningful Learning, Why Collaborative Activities and Why Concept Maps? *Aprendizagem Significativa Em Revista/Meaningful Learning Review*, 1, 1-11.
- Noh, J. D. & Rieger, H. 2004. Random walks on complex networks. *Phys. Rev. Lett.* , 92(11).
- Ortiza, F. & Fraile, R. 2009. Social Network Featuring Entertainment, Culture and Technology in Spanish Universities: The Infocampus Project *the Open Information Systems Journal*, 3, 48-53.
- Palmer, J., Williams, R. & Dreher, H. 2002. Automated Essay Grading System Applied to A First Year University Subject – How Can We Do It Better? : *Curtin University of Technology, Perth, WA, Australia.*
- Pena-Shaff, J. B. & C.Nicholls 2004. Analyzing Student Interactions and Meaning Construction in Bulletin Board Discussions. *Computer and Education*, 42, 243-265.
- Premuzic, T. C. & Furnham, A. 2008. Personality, Intelligence and Approaches to Learning as Predictors of Academic Performance. *Personality and Individual Differences* 44, 1596–1603.
- Ruseffendi, 1998. *Statistika Dasar Untuk Penelitian Pendidikan*, Ikip Bandung Press.
- Sabidussi, G. 1966. The Centrality Index of A Graph. *Psychometrika*, 31, 581-603.
- Sammantha L. Magsino, R. 2009. "Applications of Social Network Analysis for Building Community Disaster Resilience: *Workshop Summary*. ISBN: 0-309-14095-1, <http://www.nap.edu/catalog/12706.html>, Last Accessed:2011."
- Sharma, S. & Gupta, R. K. 2010. Improved BSP Clustering Algorithm for Social Network Analysis. *International Journal of Grid and Distributed Computing*, Vol. 3, No. 3, September, 2010.
- Shi, X. (2007). "Social Network Analysis of Web Search Engine Query Logs. *School of Information, University of Michigan*. Last Accessed:2011."
- Siena. 2012. *Siena: Statistical Analysis of Network Data* [Online]. [Accessed 21 April 2013].

- Simpson T. & Dao, T. 2010. Wordnet-Based Semantic Similarity Measurement. *Code Project*. <http://www.codeproject.com/articles/11835/>. [Accessed 1 May 2012].
- Spadavecchia, C. & Giovannella, C. 2010. Monitoring Learning Experiences And Styles: The Socio-Emotional Level. *in: 10th Ieee International Conference On Advanced Learning Technologies*.
- Stanley, W. & Katherine, F. 1994. *Social Network Analysis: Methods And Applications*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Stepanyan, K. & Borau, K.C.U. 2010. A Social Network Analysis Perspective on Student Interaction within the Twitter Microblogging Environment. *in: 10th IEEE International Conference on Advanced Learning Technologies*.
- Stocnet. 2003. Stocnet: Software System For Statistical Social Network Analysis *Science Plus*. [Accessed 21 April 2013].
- Stroud, D. 2008. Social Networking: an Age-Neutral Commodity-Social Networking Becomes a Mature Web Application. *Journal of Direct, Data and Digital Marketing Practice*, 9, 278-292. www.palgrave-journals.com/ddmp.
- Studer, R., Benjamins, V. R. & Fensel, D. 1998. Knowledge Engineering: Principles and Methods. *IEEE Trans. Knowl. Data Eng.*, 25, 161–197.
- Suh H.J. & Lee S.W. 2006. Collaborative Learning Agent For Promoting Group Interaction. *ETRI Journal*, 28(4), 461-474
- Tan, P.-N., Steinbach, M. & Kumar, V. 2006. *Introduction to Data Mining*, Boston, MA, Pearson International Edition.
- Tolentino, C. V. 2007. Meaningful Learning Through E-Learning. <http://linc.mit.edu/linc2010/proceedings/session3tolentino.pdf> [Accessed 5 February 2013].
- Twu, H.-L. 2010. A Predictive Study of Wiki Interaction: Can Attitude Toward Wiki Predict Wiki Interaction in High-Context Cultures Groups? *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 3(1), 57-68.
- UCINET. 2011. *UCINET Documentation* [Accessed 2011].
- Ullrich, C., Borau, K. & Stepanyan, K. 2010. Who Students Interact With? A Social Network Analysis Perspective on the Use of Twitter in Language Learning *in: EC-Tel 2010, LNCS 6383*, pp. 432–437, 2010 Springer-Verlag Berlin Heidelberg.

- Wang, Y. & Guo, B. 2008. Hierarchical Clustering of Large-Scale Short Conversations Based on Domain Ontology *in: IEEE-International Symposium On Computer Science And Computational Technology*.
- Wennerberg, P., Schulz, K. & Buitelaar, P. 2011. Ontology Modularization to Improve Semantic Medical Image Annotation. *Journal of Biomedical Informatics*, 44, 155-162.
- Wilging P.A.2005. Using Social Network Analysis Technique To Examine Online Interaction. *US-China Education Review*, 2(9), 46-56.
- Wu,B.Y. ,Chao, K.M., *Spanning Trees and Optimization Problems*,Chapman & Hall/CRC Press, USA 2004
- Yu, G. 2007. Social Network Analysis based on BSP Clustering Algorithm. *Communications of The IIMA*, 7.
- Yunianta, A., Yusof, N., Othman, M. S. & Octaviani, D. 2012. Analysis and Categorization of E-Learning Activities Based on Meaningful Learning Characteristics. World Academy of Science, Engineering and Technology Issue 0069 September,Singapore.
- Zakrzewska, D. 2008. Using Clustering Technique for Students' Grouping in Intelligent E-Learning Systems. *in: USAB 2008, LNCS 5298*, Pp. 403–410, 2008.
- Zheng, L., Li, T. & Ding, C. 2010. Hierarchical Ensemble Clustering. *IEEE International Conference on Data Mining*.
- Zhou, B. & Wu, C. 2011. Semantic Model For Social Networking Federation. *AISS: Advances in Information Sciences and Service Sciences*, 3, 213 ~ 223.